

08 MAY 2002

Wakaf-Gulung/I

KONFLIK ISRAEL-PALESTIN JADI TUMPUAN PADA PERSIDANGAN ISLAM

Oleh: Norizatini Nor Ali dan Muin Abdul Majid

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Persidangan Ketujuh Menteri-menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam berakhir di sini hari ini di tengah-tengah ketegangan baru di Palestin, membuatkan para perwakilan persidangan menggesa umat Islam di seluruh dunia supaya bersatu menentang kezaliman Zionis terhadap penduduk Palestin.

Forum itu yang pada asalnya bertujuan untuk membincangkan perkara-perkara berhubung agama, terutamanya pengurusan wakaf dan zakat, bertukar menjadi medan untuk meluahkan matlamat bersama dalam menangani masalah umat Islam di seluruh dunia terutamanya di Palestin.

Para perwakilan persidangan sebulat suara mengutuk Israel di atas keganasan dan penindasan terhadap penduduk Palestin serta kemusnahan harta benda mereka yang jelas melanggar undang-undang antarabangsa.

Dalam mempamerkan kesepakatan umat Islam dengan penduduk Palestin, persidangan itu menggesa dunia Islam supaya terus memberi sokongan kepada perjuangan mendapatkan kebebasan dan maruah saudara mereka di Palestin.

Secara ringkasnya, persidangan itu mengutus mesej bahawa agenda perluasan regim Zionis itu merupakan satu ancaman serius kepada masyarakat Islam.

Keganasan juga menjadi topik utama pada persidangan itu. Ia merupakan perkara yang memerlukan perhatian mendesak untuk memulihkan imej Islam, agama yang akhir-akhir ini disamakan dengan keganasan dan tindakan kejam.

Sambil menyelar media barat kerana membuat laporan salah yang mengaitkan keganasan dengan Islam, persidangan itu menegaskan bahawa mereka gagal menerima hakikat bahawa keganasan adalah masalah antarabangsa yang tidak boleh dikaitkan dengan mana-mana agama dan bangsa, malahan tidak ada masyarakat yang bebas daripada masalah itu.

Menteri-menteri Islam itu mengutuk sikap keengganan mereka mengakui hakikat bahawa Islam mendukung nilai-nilai murni seperti belas kasihan, keamanan, bertolak ansur dan kesederhanaan serta menolak paksaan dan keganasan.

Dalam hubungan ini, para perwakilan menggesa negara-negara Islam mencontohi langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia dalam menangani ekstremisme.

Sambil memuji Malaysia di atas pendekatan menyeluruhnya dalam menangani isu itu, mereka mengakui pendekatan sederhana yang diambil oleh negara ini dalam menegakkan syiar Islam dalam semua aspek kehidupan tanpa menjejaskan asas masyarakat majmuknya.

Bukan sahaja persidangan itu mengambil perhatian strategi Malaysia dalam memerangi ekstremisme, ia juga mengakui kebijaksanaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam analisis beliau mengenai masalah ummah.

Dengan mendedahkan kelemahan masyarakat Islam dalam ucaptama beliau pada hari kedua persidangan itu, Perdana Menteri menyalahkan ummah di atas kealpaan mereka dalam menghadapi cabaran yang menimpa masyarakat dan agama.

Peringatan itu diterima baik oleh persidangan sehingga ucaptama itu dijadikan sebagai dokumen rasmi persidangan.

Dalam rumusannya berhubung persidangan itu, pengerusi persidangan yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin memuji para perwakilan kerana tidak emosional semasa membincangkan isu-isu sensitif.

"Tidak ada pertelingkahan atau kemarahan seperti yang sering dilihat

pada persidangan-persidangan sebelum ini. Keadaan terkawal dan ia mengagumkan para perwakilan," katanya.

-- BERNAMA

NN MAM MFJ RHM NAK